

SOALAN NO: 44

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : KHAMIS, 6 APRIL 2017

RUJUKAN : L14 [PR-1351-L01022]

SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan berkenaan dengan pembinaan medan selera di Prima Setapak, adakah pembinaan ini dibina tanpa bantahan penduduk.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, pemilik tanah yang dimaksudkan iaitu Pesuruhjaya Tanah Persekutuan telah meluluskan penyewaan tapak bagi tujuan pembinaan medan selera sementara sehingga 31 Mac 2018. Agensi pelaksana di atas tanah tersebut iaitu Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan melalui suratnya yang bertarikh 8 April 2014 pula telah menyatakan tiada halangan bagi cadangan medan selera sementara untuk mengelakkan tapak ini dicerobohi secara tidak sah.

Dengan kata lain, kelulusan penyewaan tapak tersebut sebagai medan selera sementara akan terbatal sekiranya projek pembinaan sekolah diteruskan di tapak berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju juga, kelulusan Perintah Pembangunan telah dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 4 Februari 2016 dengan mengambil kira pematuhan aspek-aspek teknikal seperti anjakan bangunan dan keperluan tempat letak kereta serta mengambil kira bantahan penduduk sekitar dari segi masalah kesesakan lalu lintas, kebisingan dan kesihatan persekitaran.